

Integriti, ketelusan kerajaan DAP Pulau Pinang dipersoal

Bukit Laksamana terus digondol

Oleh **AZHARI ZAINOODDIN**

utusanpenang@utusan.com

■ **BALIK PULAU 11 JUN**

KERJA mengondolkan tanah di Bukit Laksamana yang terletak kira-kira tiga kilometer dari Empangan Teluk Bahang di sini, masih berjalan biarpun telah dibangkitkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) bulan lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah berkata, perkara itu bercanggah dengan kenyataan kerajaan negeri sebelum ini yang mendakwa sudah memberikan notis pemberhentian kerja tanah di kawasan terbabit kepada pemaju.

Lebih mengecewakan, tambah beliau, kawasan yang terjejas dengan aktiviti penggondolan itu juga semakin besar sehingga melibatkan tanah berkeluasan hampir 3.24 hektar.

"Kita tidak faham bagaimana kejadian ini boleh terus berlaku sedangkan kerajaan negeri memaklumkan tindakan telah diambil supaya kerja-kerja tanah di kawasan berkenaan dihentikan semasa sidang DUN lalu.

"Di mana (slogan) Cekap, Telus dan Akauntabilitinya (CAT) kerajaan negeri sehingga perkara serius membabitkan penggondolan tanah di kawasan tadahan air untuk rak-



SHAH HEADAN AYOOB HUSSAIN SHAH menunjukkan kawasan Bukit Laksamana, Balik Pulau yang ditarah dipercayai untuk membina chalet semasa melakukan tinjauan di kawasan tersebut, semalam. - **UTUSAN/SAZALI CHE DIN**

yat negeri ini boleh terus berlaku tanpa sebarang tindakan tegas?" katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, Shah Headan Ayoob membawa kira-kira 20 petugas media melawat kawasan di Bukit Laksamana yang kini giat digondolkan bagi tujuan yang dipercayai untuk membina 36 buah chalet oleh pihak yang tidak diketahui.

Dalam lawatan itu, sebahagian besar kawasan di Bukit Laksamana melalui jalan masuk di Kampung Bukit Kecil, Sungai Pinang di sini,

terjejas teruk selepas berlaku aktiviti penarahan dan penggondolan yang dipercayai berjalan sejak hampir dua tahun lalu.

Malah, kawasan yang terjejas itu juga difahamkan berada di dalam kawasan tadahan air dan terletak tidak jauh dari Empangan Teluk Bahang di sini.

Sebelum ini, Pengerusi Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir negeri, Chow Kon Yeow memaklumkan notis pemberhentian kerja tanah di kawasan bukit terbabit telah dikelu-

arkan kerajaan negeri pada 9 April tahun lalu dan 12 Januari lalu.

Tambah Shah Headan Ayoob, pembangunan di kawasan tadahan air tidak sepatutnya dipandang remeh oleh kerajaan negeri dan tindakan segera perlu diambil bagi memastikan sumber air untuk masa depan rakyat negeri ini tidak terjejas.

Katanya, aktiviti penggondolan bukit itu turut menjejaskan kawasan tadahan air sehingga mengakibatkan air berlumpur menyusuri Sungai Endoi yang merupakan sungai utama yang membekalkan air ke Empangan Teluk Bahang.

"Kita tidak mahu menuduh apa-apa dan perkara ini juga tidak bermotifkan politik sebaliknya demi masa depan rakyat. Kerajaan negeri harus memperjelaskan mengenai apa yang berlaku di Bukit Laksamana ini," tegasnya.

Selain itu, Shah Headan Ayoob juga mempersoalkan tindakan berdiam diri Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berhubung isu tersebut sedangkan kawasan yang dibangunkan termasuk dalam kawasan tadahan air untuk Empangan Teluk Bahang.

"Sepatutnya kawasan di sekitar Bukit Laksamana ini digazetkan PBAPP sebagai kawasan tadahan air dan kesedaran perlu diberi kepada para pemilik tanah dan penduduk setempat bagi menjamin sumber air di negeri ini," tegasnya.



SEBAHAGIAN daripada kawasan Bukit Laksamana, Balik Pulau yang telah ditarah oleh pemaju dipercayai untuk membina chalet.